

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA
[KETEREH]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 66

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan melihat keperluan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas dalam pemilihan jawatan-jawatan penting di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi memastikan ia dilantik berdasarkan merit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini mendapati bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisme terbaik agar dapat menjalankan fungsi dan peranan yang lebih jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama.

Sekian, terima kasih.